

# Selaraskan pemberian bantuan elak pertindihan

**Kuala Lumpur:** Penyelarasan agihan bantuan kepada golongan asnaf antara Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dengan kementerian dan agensi berkaitan adalah perlu bagi mengelak sebarang pertindihan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar berkata ia selaras dengan isu pertindihan yang dibangkitkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum ini.

Katanya, ketika ini MAIWP bekerjasama dengan pelbagai agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi membantu golongan asnaf termasuk gelandangan di ibu kota.

"Ada banyak kerjasama yang kita boleh buat dengan agensi-agensi ini termasuk dari segi peruntukan dan penyaluran bantuan kepada golongan terbabit.

"Pada asasnya, saya setuju MAIWP sebagai peneraju penyelarasan penyampaian sumbangan kepada golongan terkesan bagi mengelakkan berlaku pertindihan.

"Ia juga memastikan supaya agihan sumbangan kepada golongan berkenaan lebih sistematik, teratur dan berkesan. Maksudnya hasrat beliau (Perdana Menteri) ialah supaya tidak berlaku pertindihan.

"Contohnya, dalam konteks pertindihan ini, ada golongan asnaf dapat bantuan JKJ, bantuan MAIWP dia dapat dan ada pula yang tercicir dari senarai bantuan," katanya ketika ditemui pada program Jejak Gelandangan di sekitar Lorong Haji Taib 2 Chow Kit, malam kelmarin.

## Tingkat rasa keinsafan

Program yang turut mendapat kerjasama Pertubuhan Jejak Jalan itu berjaya menyantuni lebih 200 gelandangan. Selain, ia turut melawat tiga keluarga bekas gelandangan yang kini mendapat bantuan sewa rumah MAIWP.

Mengenai Program Jejak Gelandangan, Mohd Na'im berkata ia bertujuan mewujudkan rasa keinsafan kepada semua pihak terbabit terutama petugas MAIWP dan rakan badan bukan kerajaan (NGO) lain.

Katanya, adalah amat penting bagi MAIWP sebagai agensi yang menerima zakat untuk mengambil pendekatan turun ke padang bertemu dengan golongan asnaf ini.

"Saya baru tadi bertemu dengan seorang ibu dengan dua orang anaknya. Mereka ini adalah bekas gelandangan dan kemudiannya telah diberi bantuan oleh NGO dan MAIWP," katanya.